

# Bilangan penderma organ di Selangor menurun

**Shah Alam:** Bilangan penderma organ di Selangor mencatatkan penurunan daripada 23 penderma pada 2023 kepada 18 orang pada tahun lalu.

**Exco Kesihatan Awam dan Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin** berkata, seiring dengan trend itu, kadar pendermaan organ di peringkat negeri turut menurun daripada 3.19 per 1 juta populasi pada 2023 kepada 2.43 per 1 juta populasi bagi tahun lalu.

“Walaupun berlaku sedikit penurunan di peringkat negeri, kadar pendermaan organ di Selangor masih tinggi berbanding purata nasional, mencerminkan prestasi yang baik, namun memerlukan usaha berterusan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat,” katanya pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di

sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan lisan **Ong Chun Wei (PH-Balakong)** berhubung kadar pendermaan organ di Selangor pada 2023 sehingga kini dan langkah yang sudah diambil kerajaan negeri bagi meningkatkan kadar pengikrar penderma organ.

Dalam pada itu, Jamaliah berkata, Selangor antara negeri mencatatkan jumlah pengikrar derma organ tertinggi di Malaysia, dengan kedudukan keempat secara keseluruhan manakala kadar pengikrar sebanyak 1.43 peratus daripada jumlah populasi penduduk.

“Seramai 16,242 jumlah keseluruhan pengikrar penderma organ baharu dari 2023 hingga tahun lalu iaitu 27 peratus daripada jumlah di seluruh negara, iaitu lebih 58,000 pengikrar bagi tempoh sama.



**JAMALIAH**

“Pencapaian ini mencerminkan tahap kesedaran dan komitmen tinggi rakyat Selangor terhadap usaha menyelamatkan nyawa melalui amalan derma organ,” katanya.

Jamaliah berkata, antara usaha dilaksanakan kerajaan negeri menerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam bagi meningkatkan kadar pendermaan antaranya pelaksanaan Kempen Kesedaran Pen-

dermaan Organ Selangor yang dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF).

Katanya, kempen kesedaran yang bertemakan ‘Satu Ikrar, Lapan Harapan’ bertujuan meningkatkan bilangan pengikrar penderma organ melalui pendekatan pendidikan komuniti, sokongan secara atalian dan pembabitan secara berterusan oleh golongan pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

“Selain aspek pendidikan kesihatan, kempen ini turut memberi penekanan kepada penerangan berkaitan isu agama dan budaya, termasuk penjelasan bahawa pendermaan organ adalah harus dan digalakkan dalam Islam, bagi mengurangkan kekeliruan serta stigma dalam kalangan masyarakat,” katanya.